

12 termasuk dua atlet kebangsaan bakal terima ijazah pada majlis konvokesyen

UPM umum graduan cemerlang

Oleh NORAINI HASSAN BASRI
dan NUR AMALIA AZRI

SERDANG — Cemerlang dalam akademik, aktif bersukan selain terlibat dalam aktiviti kemasyarakatan membolehkan Tengku Shahiran Tengku Ruslan dinobatkan sebagai penerima anugerah utama pada Majlis Konvokesyen Universiti Putra Malaysia (UPM) ke-42.

Graduan Ijazah Sarjana Muda Pendidikan itu bakal menerima Pingat Emas Canselor, sijil dan wang tunai RM5,000.

Anugerah berkenaan akan disampaikan oleh Canselor UPM, Sultan Sharafuddin Idris Shah pada majlis konvokesyen

Sabtu ini.

Tengku Shahiran, 24, yang mengambil pengkhusus Pengajaran Bahasa Melayu menamatkan pengajian dengan memperoleh Purata Nilai Gred Kumulatif 3.807.

Katanya, dia turut bekerja sambilan sebagai guru tuisyen bagi mencari wang saku semasa belajar.

“Saya bukanlah seorang yang kuat belajar, namun sentiasa menjaga hubungan dengan Allah bagi memastikan ilmu yang diperoleh mendapat keberkatan,” katanya pada sidang akhbar Majlis Konvokesyen UPM ke-42 di

Bangunan Canselor Putra, UPM di sini semalam.

Turut hadir Timbalan Naib Canselor UPM, Prof.



Datin Paduka Dr. Aini Ideris.

Sementara itu, Aini turut mengumumkan 11 lagi penerima anugerah utama termasuk kapten bola jaring kebangsaan yang menyumbang pingat emas pada temasya Sukan SEA 2017, Nur Syafazliyana Mohd. Ali.

Nur Syafazliyana, 25, graduan Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Pendidikan Jasmani) bakal menerima Pingat Razlan Putra manakala seorang lagi atlet lawan pedang kebangsaan, Ivy Cheah Hsiao



AINI (tujuh kiri) bergambar bersama graduan cemerlang UPM termasuk Tengku Shahiran (barisan belakang di tengah) dan Nur Syafazliyana (tiga dari kanan) selepas sidang akhbar Majlis Konvokesyen ke-42 UPM di Serdang semalam.

Yong, 24, menerima Pingat Emas Prof. Emeritus Tan Sri Dr. Rashdan Baba. Seramai 6,973 graduan

dihadualkan menerima Ijazah Doktor Falsafah, Ijazah Sarjana, Ijazah Sarjana Muda dan diploma

masing-masing pada majlis konvokesyen berkenaan yang berlangsung selama empat hari itu.